

# Remaja Cemerlang Pantas Berfikir, Cepat Bertindak

**TAHUN** ini genap negara menyambut ulang tahun kemerdekaan yang ke-53. Lima dasawarsa atau setengah abad negara bebas daripada belunggu penjajahan. Sudah enam Perdana Menteri yang menerajui kepimpinan negara, bermula Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Tun Abdul Razak Hussein, Tun Hussein Onn, Tun Dr. Mahathir Mohamad, Tun Abdullah Ahmad Badawi, dan kini negara dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak yang sinonim dengan slogan 1Malaysia dan mengajak rakyat melakukan perubahan paradigma melalui Model Baru Ekonomi (MBE) yang bermatlamat mewujudkan sebuah negara berpendapatan tinggi. Hanya tinggal 10 tahun sahaja lagi, negara perlu merealisasikan segala impian yang dicitrakan dalam Wawasan 2020 yang dicitus mantan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 1990.

Peperata ada menyebut, "di mana bumi dipijak, di situlah langit dijunjung". Mengisi kemerdekaan negara bukanlah suatu perkara yang mudah. Apatah lagi setiap zaman kepimpinan negara mempunyai cabaran sama ada yang datang dari dalam atau luar negara yang meliputi cabaran politik, ekonomi dan kesejahteraan sosial masyarakat. Generasi remaja hari ini yang hidup dalam zaman sains dan teknologi menjadi penentu kelangsungan negara pada masa hadapan. Teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) menjadi wahana komunikasi masyarakat dan juga keperluan kehidupan. TMK telah mencetus dunia tanpa sempadan atau globalisasi. Jika dahulu, manusia berperang dengan anggota fizikal dan kekuatan bala tentera untuk menajajah negara lain, kini hanya menggunakan teknologi yang dimanipulasikan dengan kepintaran akal, wujud penjajahan bentuk baharu. Oleh itu, kreativiti dan inovasi menjadi penentu kekuatan sesebuah tamadun bangsa. Kita harus menjadi bangsa peneraju dan pemula dalam segenap bidang, bukan lagi bangsa pengikut teknologi yang dicipta oleh negara-negara maju.

Sehubungan dengan hal itu, sidang editor *Dewan Siswa* telah berkesempatan berkongsi pengalaman dengan dua orang remaja yang baru-baru ini menerima Anugerah Remaja Perdana (ARP) 2010 sempena Hari Belia Negara 2010 yang disembunikan oleh Yang Amat Berhormat

Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Kami berbual bicara di lokasi yang menjadi mercu tanda negara abad ini, *Kuala Lumpur City Centre* (KLCC) sebaik usai sesi fotografi di Petrosains yang menjadi pusat tarikan utama kanak-kanak, remaja dan keluarga dalam mencetus minat terhadap sains dan teknologi.

Mohammad Suffian Hamzah, 18 tahun yang kini menetap di Pulau Pinang merupakan mantan pelajar Kolej Yayasan Saad (KYS), Melaka. Beliau memperoleh 11A dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun lalu. Anak muda yang menerima biasiswa Yayasan Khazanah ini sedang melanjutkan pelajaran peringkat A-Level sebelum ke Amerika Syarikat untuk membuat pengkhususan dalam bidang kejuruteraan mekanikal. Seorang lagi penerima ARP ialah Wan Nadira Hanim Mohamed Zaiman, 18 tahun. Gadis kecil molek yang menetap di Shah Alam, Selangor



Mohammad Suffian dan Wan Nadira Hanim ketika ditemu ramah oleh editor *Dewan Siswa*.



Ketika menerima Anugerah Remaja Perdana (ARP) Pingat Emas 2010 sempena Hari Belia Negara 2010.

ini memperoleh 11A dalam peperiksaan SPM tahun lalu. Kini, pemegang biasiswa Bank Negara Malaysia (BNM) sedang membuat A-Level sebelum ke United Kingdom untuk melanjutkan pengajian dalam bidang perakaunan dan kewangan. Nadira juga merupakan mantan pelajar KYS, Melaka.

Memang tidak dapat dinafikan remaja yang kreatif dan inovatif mampu menongkah arus dan mendepani cabaran semasa. "Mereka ini berfikir di luar kotak dan melakukan sesuatu yang di luar jangkaan biasa," ujar Nadira.

"Dalam era globalisasi ini, internet menjadi wahana komunikasi massa. Justeru, remaja perlu sentiasa meningkatkan kemahiran diri dan berdaya saing. Remaja perlu ada kesedaran tentang pembangunan holistik diri. Bukan sahaja memiliki kekuatan akademik yang baik dan mampu berdikari, malahan mempunyai nilai tambah dalam diri seperti nilai kepimpinan dan berfikir secara kritis," jelas Suffian, mantan Presiden Persatuan Sains dan Matematik di KYS pada 2009.

"Kami rasa bersyukur kerana diperkenalkan dengan program Anugerah Remaja Perdana (ARP) sejak berada di tingkatan dua. Rakaman penghargaan buat Cikgu Azmi Mohammad, kaunselor KYS yang banyak membantu kami dan membuka minda kami tentang program ARP," tambah Nadira.

"ARP banyak membantu dalam proses kematangan diri kami. Program ini amat bagus kerana kami diasuh dan dididik dengan nilai kepimpinan. Kami perlu berfikir secara rasional, setiap anggota kumpulan mempunyai tanggungjawab masing-masing dan perlu melunaskannya dengan sempurna. Projek yang kami lakukan bermula dari kosong. Kaunselor KYS hanya bertindak sebagai pemudah cara. Kami perlu merencanakan semuanya. Bermula dari

situ, kami belajar banyak perkara baharu. Kami diajar cara berorganisasi dengan betul, memimpin, membuat kertas kerja dan mempersembahkan kerangka konsep sesuatu projek. Kami perlu melakukan yang terbaik, bukan setakat untuk penyertaan dalam ARP tetapi kami mula meletakkan matlamat untuk menerima pingat emas semenjak berada di tingkatan tiga lagi," cerita Suffian mengimbau kenangannya semasa mendapat pingat gangsa ARP pada 2008.

"Bagi saya menjadi seorang pelajar yang cemerlang tidak cukup dengan membaca buku dan mendapat keputusan peperiksaan yang bagus sahaja. Semasa saya ditemu duga untuk mendapatkan biasiswa BNM, bukan pencapaian akademik sahaja diukur, malahan aspek-aspek lain turut diambil kira seperti kegiatan kokurikulum dan aktiviti yang menambah nilai diri," tambah Nadira.

"Sekolah kami, KYS telah mendapat sumbangan kewangan daripada kerajaan negeri Melaka pada 2009 sebanyak RM20 000.00 atas pencapaian cemerlang dalam Peperiksaan Menengah Rendah pada 2008. Kami telah menulis surat kepada pengurusan sekolah meminta bantuan kewangan untuk melaksanakan aktiviti ARP bagi memastikan kami menerima pingat emas. Syukur alhamdulillah, permintaan kami diluluskan. RM10 000.00 digunakan untuk kegiatan ARP. Kami satu pasukan tingkatan tiga pada masa itu, lebih kurang 50 orang berpakat untuk menjadikan program ARP kami lebih berjaya berbanding dengan apa-apa yang telah dilakukan oleh senior," tambah Suffian.

"Kami memang bekerja keras untuk mendapatkan pingat emas. Kami buat kelas tarian jalanan, yang tidak pernah dibuat oleh pihak lain yang menyertai ARP. Kami mencari guru yang boleh mengajar kami di internet. Kelas diadakan pada hujung minggu," serius Suffian bercerita.

Bagi Suffian, pengalaman mengadakan kelas ini banyak mengajar kepadanya tentang erti tidak berputus asa dan jangan sesekali meletakkan had dalam diri, maksudnya kita mampu melakukan sesuatu perkara yang pada mulanya mustahil untuk dilakukan.

Penilaian perolehan tahap emas kepada mereka berdua ini berdasarkan laporan yang dikemukakan kepada pihak Kementerian Belia dan Sukan melalui kaunselor sekolah. Mereka perlu melakukan empat komponen utama, iaitu khidmat masyarakat, kemahiran, rekreasi fizikal dan penjejalanan lasak. Ternyata usaha gigih yang dilakukan selama empat tahun tidak sia-sia. Kemuncaknya mereka berdua dianugerahi Anugerah Remaja Perdana Pingat Emas 2009. Remaja yang sememangnya sinonim dengan sifat agresif, bertenaga dan berjiwa kental seharusnya memanipulasikan kelebihan ini menjadi remaja yang cemerlang yang pantas berfikir dan cepat bertindak mencipta kegemilangan. 